

14/08/2002

Pelajar yakin Utar mampu tingkat kemahiran

PELAJAR sulung Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) yakin program pengajian yang ditawarkan universiti itu mampu memberi pengetahuan dan kemahiran terkini sebagai bekalan mereka menyertai pasaran kerja kelak.

Selepas dua bulan mengikuti pengajian di Utar, beberapa pelajar ketika ditemui melahirkan keyakinan bahawa mereka menerima pendidikan berkualiti tinggi di universiti tajaan MCA itu.

Pelajar Melayu tunggal Utar, Yanti Heryani Puteri Emrizal Bujang, 20, berkata universiti itu menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar dalam semua kursus, kecuali Pengajian Malaysia yang disampaikan dalam bahasa Melayu.

Selain itu, Yanti yang berasal dari Temerloh, Pahang dan mengikuti program Sarjana Muda Komunikasi (Kewartawanan), berkata semua pelajar universiti itu juga diwajibkan mengikuti kursus asas bahasa Mandarin.

Walaupun ragu-ragu untuk meneruskan pengajian pada mulanya berikutan kedudukannya sebagai pelajar Melayu tunggal di universiti itu, beliau berkata;

"Selepas mengikuti beberapa kuliah, saya dapati universiti baru ini menyediakan kursus yang dapat memberi kemahiran terkini. Walaupun saya bimbang tidak diterima oleh rakan-rakan Cina dan tidak boleh berbahasa Mandarin, kawan sekuliah memberi dorongan serta galakan untuk meneruskan pengajian.

"Kini, saya boleh bergaul dengan semua pelajar di sini dan yakin akan berjaya menerima ijazah," katanya ketika ditemui di Utar yang beroperasi di Kampus Kolej Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Utar dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam. Hadir sama ialah Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Presiden Utar, Datuk Dr Ng Lay Swee.

V Gaya Nair a/p Vijain Kumar, 20, berkata beliau memilih Utar kerana selain tidak melaksanakan kuota, universiti itu membuka peluang mengikuti pengajiannya kepada semua kaum, selain kadar yuran berpatutan.

Bekas pelajar SMK (Perempuan) Ipoh itu berkata, beliau pernah menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sarawak tetapi menolaknya.